

26 OCT 1999

Mahkamah-Anwar

AG BERI NOTIS MOHON KETEPI SAPENA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah hari ini memberi notis kepada Mahkamah Tinggi bahawa pihak pendakwaan akan menimbang untuk memohon bagi mengeneipikan sapena terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk datang ke mahkamah atas alasan hubung-kaitnya dengan kes.

Mohtar berkata sapena itu dikeluarkan terhadap Perdana Menteri ekoran permohonan pihak pembelaan tertuduh kedua, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, dan bukan abang angkatnya bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Oleh itu saya memberi notis bahawa pihak pendakwaan akan memohon atau menimbang untuk memohon bagi mengeneipikan sapena terhadap Perdana Menteri itu atas alasan keberkaitannya... Perdana Menteri tidak ada kena-mengena dengan Sukma," kata beliau kepada mahkamah.

Anwar, 52, dan Sukma, 38, sedang dibicarakan bersama terhadap tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada satu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga dituduh bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri Anwar di tempat dan pada masa yang sama.

Mahkamah telah memerintahkan Anwar dan Sukma supaya membela diri setelah mendapati pihak pendakwaan berjaya mewujudkan kes prima facie terhadap mereka.

Mohtar berkata tidak perlu bagi Perdana Menteri datang ke mahkamah pada hari Khamis memandangkan Anwar dan Sukma belum selesai memberi keterangan.

"Tidak ada gunanya bagi Perdana Menteri datang dan tunggu di sini," katanya.

Beliau berkata permohonan pihak pendakwaan itu akan diasaskan kepada Seksyen 136 Akta Keterangan.

Sebelum itu, Gobind Singh Deo, peguam bagi Sukma, bertanya mahkamah sama ada sapena itu sudah disampaikan kepada Perdana Menteri.

Hakim Datuk Arifin Jaka berkata mengikut Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh, sapena itu telah dikeluarkan dan diberikan kepada polis untuk disampaikan.

Arifin berkata tugas menyampaikan sapena adalah tugas polis, bukan tugas mahkamah.

"Jangan tanya saya. Tanya polis," kata hakim itu apabila Gobind bertanya beliau mengapa sapena itu belum disampaikan.

Apabila ditanya oleh Arifin, Rozilah memberitahu mahkamah bahawa sapena itu telah dikeluarkan dan diberikan kepada polis, tetapi sehingga kini "keratan yang menunjukkan sapena telah diserahkan tidak dikembalikan."

Gobind berkata pihak pembelaan mahu Perdana Menteri datang ke mahkamah dan beliau meminta agar mahkamah jangan menyalahkan pihak pembelaan jika Dr Mahathir tidak hadir pada hari Khamis ini.

Pada peringkat itu Mohtar berkata bahawa meskipun jika sapena itu sudah disampaikan, tidak perlu bagi Dr Mahathir datang ke mahkamah memandangkan Anwar dan Sukma belum selesai memberi keterangan.

Selain itu, katanya, pihak pendakwaan juga sedang menimbang untuk memohon mahkamah mengeneipikan sapena itu yang telah dikeluarkan bagi pihak Sukma.

Gobind menjawab bahawa pihak pembelaan berasa hairan dengan hasrat pendakwaan untuk mengeneipikan sapena itu kerana Perdana Menteri sendiri

telah menyatakan secara terbuka bahawa beliau bersedia hadir.

Arifin mengeluarkan sapena itu minggu lepas bagi pihak Sukma, bagi mengarahkan Dr Mahathir menghadiri perbincangan pada 28 Okt untuk membolehkan pihak pembelaan menemuramah beliau sebelum memutuskan sama ada hendak memanggil beliau sebagai saksinya.

"Adalah menghairankan yang AG (Peguam Negara) ingin memohon untuk mengenyahkan sapena itu apabila Perdana Menteri sendiri telah secara terbuka menyatakan yang beliau akan datang ke mahkamah," kata Gobind.

Beliau berkata pejabat peguam negara tidak seharusnya campur tangan terhadap saksinya.

Mohtar menjawab dengan berkata bahawa pihak pendakwaan mempunyai hak untuk menyoal motif bagi memanggil seseorang saksi.

Pada peringkat itu, mahkamah menyaksikan pertengkaran hangat antara Gobind dan Mohtar, dan Gobind kedengaran mengadu kepada mahkamah bahawa Peguam Negara telah berkata "bapa borek anak rintik" terhadapnya, sebagai merujuk kepada Gobind dan bapanya, Karpal Singh yang sebelum itu telah diberi amaran oleh hakim kerana membuat komen terhadap mahkamah.

Arifin bagaimanapun meminta Gobind duduk dan "jangan bergaduh macam budak kecil" dalam mahkamah. Beliau lalu meminta peguam utama Anwar, Christopher Fernando supaya meneruskan proseding.

Anwar, saksi pembelaan pertama, sedang memberi keterangan bagi hari ketiga pembelaan dirinya.

-- BERNAMA

NHD NMO